

NAMA : Tingkatan :

SULIT
1249/1
Sejarah
Kertas 1
April
2011
1 jam



BAHAGIAN PENGURUSAN
SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN
TINGKATAN 5 2011

SEJARAH

Kertas 1

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak

SULIT

2

1249/1

- 1 *Civilization* berasal daripada bahasa
- A Latin
 - B Greek
 - C Mesir
 - D Mesopotamia
- 2 Tamadun Mesopotamia terletak di antara dua sungai iaitu
- A Sungai Ganges dan Sungai Indus
 - B Sungai Kuning dan Sungai Yangtze
 - C Sungai Tigris dan Sungai Euphrates
 - D Sungai Nil Biru dan Sungai Nil Putih



- 3 Apakah sumbangan utama tamadun Y kepada peradaban manusia?
- A pertanian
 - B pembinaan
 - C perbandaran
 - D perundangan
- 4 Senarai berikut menunjukkan negara kota dalam tamadun Yunani

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Athens • Sparta • Corinth |
|---|

Apakah masalah yang sering berlaku antara negara kota tersebut?

- A Kemusnahan alam
- B Perebutan takhta
- C Peperangan
- D Kehilangan mandat

SULIT

3

1249/1

- Sukan
- Muzik
- Seni berpidato

- 5 Apakah tujuan pendidikan Athens tersebut?
- A Menyediakan manusia setelah mati
 - B Melahirkan tentera-tentera yang sempurna
 - C Melatih golongan pentadbir yang cekap
 - D Melahirkan manusia yang seimbang
- 6 Mengapakah penganut agama Hindu berusaha untuk mencapai Moksha?
- A Bergabung dengan tuhan
 - B Perlu mematuhi perintah agama
 - C Bergantung sepenuhnya kepada Karma
 - D Perlu berusaha melakukan amalan baik
- 7 Mengapakah kerajaan Funan berubah daripada kerajaan agraria kepada maritim?
- A Perkembangan pelabuhan Oc-Eo
 - B Makanan yang mencukupi
 - C Usaha pihak kerajaan
 - D Peningkatan pedagang antarabangsa

SULIT

4

1249/1

- 8 Ilustrasi di bawah menunjukkan prasasti Telaga Batu di Palembang Srivijaya



Apakah catatan yang terdapat pada prasasti tersebut?

- A Salasilah raja
 - B Struktur pentadbiran
 - C Arahan kepada rakyat
 - D Akta undang-undang jenayah
- 9 Catatan yang terdapat pada Batu Bersurat Palembang berkaitan dengan amaran
- A raja kepada jajahan takluk
 - B raja kepada pedagang
 - C raja kepada tentera
 - D raja kepada rakyat dan pembesar
- 10 Kehidupan masyarakat Arab Badwi berkait rapat dengan kawasan petempatannya di
- A pinggir bandar
 - B pesisir pantai
 - C kepulauan
 - D gurun

SULIT

5

1249/1

- 11** Islam mementingkan aktiviti membaca dan membuat kajian adalah untuk
- A peningkatan tamadun bangsa
 - B pencapaian kesejahteraan hidup
 - C perbuatan yang murni
 - D peningkatan sahsiah
- 12** Mengapakah Nabi Muhammad s.a.w. memilih strategi melakukan dakwah Islamiah secara rahsia pada peringkat awal?
- I Islam baru dikenali
 - II Islam sukar ditafsir
 - III Mengelakkan pencemaran
 - IV Mengelakkan penentangan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 13** Kesan langsung Perjanjian Aqabah Pertama adalah
- A Kerajaan Islam Madinah didirikan
 - B Tamatnya Zaman Jahiliah
 - C Penyebaran Islam ke Madinah
 - D Penghijrahan Nabi Muhammad s.a.w ke Madinah
- 14** Apakah syarat jaminan keselamatan orang Yahudi yang terkandung dalam Piagam Madinah?
- A Memberikan perlindungan kepada rakyat
 - B Menyediakan kemudahan peperangan
 - C Menyumbangkan harta benda
 - D Mematuhi peraturan piagam

- Khalid bin al-Walid
- Amru bin al-As
- Uthman bin Talhah

- 15 Apakah persamaan ketiga-tiga tokoh tersebut?
- A Membantu Nabi Muhamad s.a.w berhijrah
 - B Panglima perang Islam sebelum peristiwa hijrah
 - C Memeluk agama Islam selepas Perjanjian Hudaibiyah
 - D Berhijrah bersama-sama dengan Nabi Muhammad s.a.w
- 16 Mengapakah Khalifah Ali bin Abu Talib menghantar al-Asytar untuk mengikat perjanjian dengan golongan Zimmi?
- A Mengenakan kutipan jizyah
 - B Menamatkan perang saudara
 - C Melindungi keselamatan rakyat
 - D Memberikan taat setia kepada rakyat
- 17 Apakah sumbangan kerajaan Turki Uthmaniyah dalam bidang kesenian?
- A Seni arca
 - B Seni tari
 - C Seni bina
 - D Seni teater
- 18 Ciri-ciri berikut berkaitan dengan golongan Mozarab
- I berkahwin wanita Arab
 - II beragama Islam
 - III berbahasa Arab
 - IV berkebudayaan Islam
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

SULIT

7

1249/1

19 Maklumat berikut menunjukkan gelaran yang telah diberikan kepada Aceh

Serambi Makkah

Apakah yang menyebabkan Aceh digelar sedemikian?

- A** Tempat persinggahan sebelum menunaikan haji
- B** Kepadatan perkembangan institusi pendidikan
- C** Kedudukannya berdekatan dengan tanah suci
- D** Penduduk yang patuh kepada agama Islam

20

UNDANG-UNDANG
<ul style="list-style-type: none">• Hukum Kanun Melaka• Kanun Mahkota Alam

Apakah persamaan kedua-dua undang-undang di atas?

- I** Menerangkan tanggungjawab raja
 - II** Tidak mengandungi undang-undang adat
 - III** Menjadi panduan dalam urusan perdagangan
 - IV** Terpengaruh dengan undang-undang syariah
- A** I dan II
 - B** I dan IV
 - C** II dan III
 - D** III dan IV

21 Selepas kedatangan Islam, raja atau sultan masih kekal sebagai kuasa tertinggi dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran di Tanah Melayu.

Mengapakah wujud keadaan sedemikian

- A** Keilmuan raja
- B** Sistem perwarisan
- C** Penghormatan rakyat
- D** Kecekapan pentadbiran

SULIT

8

1249/1

- 22 Pemerintah berikut telah berjaya menarik kedatangan ulama daripada pelbagai bangsa ke negeri mereka

Sultan Mansur Shah (Melaka) Sultan Alaudin Riayat Shah (Pahang)
--

Bagaimanakah cara yang digunakan oleh pemerintah tersebut?

- A Penawaran jawatan dalam kerajaan
 - B Pengecualian daripada bayaran cukai
 - C Kemudahan kawasan petempatan khas
 - D Kesungguhan pemerintah terhadap ilmu pengetahuan
- 23 Pepatah berikut menggambarkan semangat gotong-royong dalam kalangan anggota masyarakat Melayu.

Seikat seperti sirih, serumpun seperti serai dan sedencing seperti besi

Apakah nilai murni yang terkandung dalam pepatah di atas.

- A Bertolak ansur
 - B Perpaduan
 - C Keyakinan
 - D Ketabahan
- 24 Mengapakah pihak pemerintah mengenakan cukai terhadap kegiatan perdagangan?
- A Menjadi sumber pendapatan kerajaan
 - B Menjaga kepentingan pedagang tempatan
 - C Menggalakkan perkembangan perdagangan
 - D Mengurangkan keuntungan pedagang asing

SULIT

9

1249/1

25 Senarai berikut merujuk cadangan idea dalam *The Prince* karya Niccolo Machiavelli.

Karya - <i>The Prince</i>
<ul style="list-style-type: none"> • Pemerintah harus ditakuti. • Pemerintah harus mempunyai kuasa mutlak. • Rakyat memberikan taat setia sepenuhnya kepada pemerintah.

Apakah kepentingan cadangan idea tersebut kepada masyarakat Eropah?


- A Kemunculan monarki baru
- B Pembentukan negara bangsa
- C Penubuhan institusi Parlimen
- D Kebajikan pekerja terpelihara

26 Jadual berikut berkaitan Akta Parlimen yang telah digubal di Britain

Tahun	Perkara
1833	Akta Kilang
1847	Akta Sepuluh Jam

Mengapakah akta tersebut diperkenalkan?

- A Melindungi eksploitasi terhadap pekerja
- B Membenarkan pekerja menyertai kesatuan
- C Melarang wanita bekerja dalam sektor perlombongan
- D Mewajibkan majikan menyediakan kemudahan kesihatan



27 Andaikan anda seorang petani yang hidup pada masa penguatkuasaan undang-undang di atas.

Apakah yang anda perlu lakukan supaya tidak melanggar peraturan penggunaan tanah seperti rajah di atas?

- A Mengutip hasil hutan dengan kebenaran penghulu
- B Memohon kebenaran residen untuk membuka kawasan baru
- C Menggunakan tanah yang diwarisi dengan kebenaran sultan
- D Mengusahakan tanah terbiar dengan keizinan pembesar Melayu

28 Apakah sebab utama kawasan Asia Tenggara menjadi tumpuan Negara-negara Eropah pada abad ke-19?

- A Penduduknya ramai
- B Perbalahan sering berlaku
- C Peningkatan imej mereka
- D Pelbagai sumber alam dan bahan galian

Syarikat Perwakilan
Harrisons and Crosfield
Guthrie and Sime Darby


29 Mengapakah syarikat perwakilan dalam senarai di atas penting kepada ekonomi Tanah Melayu pada abad ke-20?

- A Memperkenalkan sistem kewangan moden
- B Membawa masuk tenaga buruh untuk perlombongan
- C Menyediakan kemudahan sistem pengangkutan
- D Membuka kawasan baru untuk tanaman komersial

SULIT

11

1249/1



- 30 Rajah berikut merujuk cara pengambilan tenaga buruh India ke Tanah Melayu pada abad ke-20.
Mengapakah berlakunya perubahan dari P ke Q?
- A Desakan daripada majikan
 - B Penindasan terhadap pekerja
 - C Permintaan pembesar tempatan
 - D Mengurangkan kos pembiayaan
- 31 Slogan “*Beban Orang Putih*” dalam dasar imperialisme Barat di Asia Tenggara merujuk kepada kuasa
- A British
 - B Perancis
 - C Portugal
 - D Sepanyol
- 32 Mengapakah pengenalan agama Kristian oleh Sepanyol menyebabkan penduduk Filipina menentang kuasa tersebut?
- A Meruntuhkan institusi Beraja
 - B Kedudukan agama tempatan tergugat
 - C Penganut tempatan dianggap kelas kedua
 - D Kemosrotan pengaruh pemimpin tempatan
- 33 Penduduk tempatan menentang campur tangan British dalam adat resam tempatan kerana mereka
- A menyekat upacara keagamaan
 - B mengharamkan semua kegiatan kebudayaan
 - C mengubahsuai adat resam tempatan mengikut cara Barat
 - D memaksa penduduk tempatan menerima nilai-nilai British

SULIT

12

1249/1

- 34 Gambar di bawah menunjukkan mesyuarat orang Melayu yang diadakan di Durian Sebatang, Perak pada tahun 1875.



Apakah keputusan mesyuarat tersebut?

- A Penggantian Residen
 - B Pembunuhan residen
 - C Penghapusan sistem hamba
 - D Penghapusan sistem hamba
- 35 Tokoh berikut telah memberi sumbangan dalam bidang penulisan.

- Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba)
- Dato' Onn Ja'afar
- Abdul Rahim Kajai

Apakah sumbangan mereka dalam bidang tersebut?

- A Mengkritik dasar British yang menekan orang Melayu
 - B Menentang sistem pendidikan Inggeris di Tanah Melayu
 - C Mengkritik British yang mengurangkan kuasa Raja-Raja Melayu
 - D Melarang orang Melayu menjual tanah kepada pelabur-pelabur asing
- 36 Bagaimanakah penentuan sempadan dilakukan pada zaman pemerintahan kerajaan Melayu tradisional
- A Kegiatan rakyat dalam ekonomi
 - B Kesetiaan rakyat kepada pemerintah
 - C Keselamatan rakyat mendiami wilayah
 - D Kebebasan rakyat menentukan pemerintahan

37 Senarai berikut berkaitan dengan Pembesar Berempat

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Bendahara• Laksamana• Temenggung• Penghulu Bendahari |
|---|

Apakah persamaan fungsi pembesar-pembesar tersebut?

- A Memajukan ekonomi
 - B Mengetuai angkatan perang
 - C Membantu sultan dalam pentadbiran
 - D Menguruskan perdagangan antarabangsa
- 38 Mengapakah Singapura tidak dimasukkan ke dalam Malayan Union 1946?
- A Mempunyai penduduk daripada kaum Melayu, Cina & India
 - B Mewakili kerajaan Negeri-Negeri Selat
 - C Menjaga kepentingannya sebagai pelabuhan bebas
 - D Mempunyai banyak hasil daripada penduduk tempatan
- 39 Mengapakah orang dagang menentang cadangan Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- I Pelaksanaan dasar yang menjaga keistimewaan orang Melayu
 - II Pembentukan Jawatankuasa Eksekutif tidak diwakili oleh orang dagang
 - III Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 tidak demokratik
 - IV Pelaksanaan kerakyatan yang longgar
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

SULIT

14

1249/1

- 40** Pemimpin tempatan menentang tindakan Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British kerana
- A** bercanggah dengan Perlembagaan 1941
 - B** rakyat tidak dilibatkan dalam pentadbiran
 - C** pembesar tempatan kehilangan pengaruh
 - D** pengaruh Parti Komunis Malaya

KERTAS SOALAN TAMAT